



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

KHAMIS / 11 JANUARI 2024

- 1. KARTEL BERAS DIDAKWA TIPU KERAJAAN, PENGGUNA - UTUSAN MALAYSIA**
- 2. TIDAK SEMUA PESAWAH SERTAI SMART SBB - UTUSAN MALAYSIA**
- 3. KARTEL BERAS: PESAWAH HARAP BUKAN SEKADAR 'WAYANG' - UTUSAN MALAYSIA**
- 4. MYCC: BELUM ADA SIASATAN KES INDUSTRI PADI, BERAS - UTUSAN MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH:

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 11 JANUARI 2024

PERKARA : ISU SEMASA

Kartel beras didakwa tipu kerajaan, pengguna

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
utusanews@mediamulita.com.my

ARAU: Kartel dalam industri beras negara wujud dan sedang menipu pengguna dan kerajaan sekali gus menyaksikan kelemahan penguat kuasa yang tidak berupaya menentukan antara beras tempatan dan import.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzukhi Othman berkata, kartel yang dimonopoli syarikat-syarikat besar yang mempunyai kilang-kilang padi serta pemborong sendiri di bawah penguasaan mereka wujud sejak sekian lama.

Oleh itu, menurut beliau, isu kekurangan bekalan beras berlaku apabila mereka menukar gred atau mencampur beras tempatan menjadi import sekali gus mengaut lebih keuntungan.

"Aktiviti kartel dalam industri beras sedang menipu pengguna dan kerajaan sekali gus menyaksikan kelemahan di peringkat penguat kuasa yang sukar menentukan yang mana satu beras tempatan atau import.

"Kelemahan penguat kuasa yang tidak dapat membezakan antara beras import dan beras tempatan itu menyebabkan penguat kuasa sukar mengam-



PESAWAH menggesa kerajaan menyiasat secara lebih serius dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap kartel padi.

bil sebarang tindakan kepada aktiviti menukar label beras," kata beliau.

Menurut Marzhuki, isu kekurangan beras tempatan contohnya, tidak sepatutnya berlaku memandangkan pengeluaran beras tempatan di negara adalah melebihi 65 peratus.

"Seperti saya cakap, tidak sampai sebulan masalah ketiadaan beras tempatan ini kembali berlaku. Kerana apa ia berlaku, sudah pasti permainan kartel-kartel ini.

"Mereka (kartel) akan membeli beras tempatan dengan

pemborong-pemborong yang juga di bawah penguasaan mereka kemudian menukar gred menjadi beras import yang harga jauh lebih tinggi berbanding tempatan.

"Untuk menyelesaikan masalah ini, kerajaan perlu menyeragamkan beras menjadi satu gred sahaja seterusnya menetapkan harga agar masalah manipulasi ini tidak berlaku," katanya.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* melaporkan, kartel atau 'mafia' padi didakwa dimonopoli empat ke lima syarikat

besar sejak sekian lama dan telah mencorak hala tuju industri padi negara sehingga tercetusnya isu benih padi yang berlarutan setiap musim selain masalah bekalan beras.

Dakwa Marzukhi, syarikat terlibat juga mempunyai kilang-kilang padi di bawah penguasaan mereka termasuk mengeluarkan benih dengan kartel-kartel tersebut berperanan cukup besar yang menentukan harga padi, beras dan pembekal benih padi sehingga ada yang mengeneipkan arahan kerajaan.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 11 JANUARI 2024

PERKARA : ISU SEMASA

Tidak semua pesawah sertai SMART SBB

PETALING JAYA: Keengganan segelintir pesawah menyertai Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) menjadi salah satu faktor program tersebut masih tidak mencapai matlamatnya.

Memberitahu *Utusan Malaysia*, Ketua Kluster Pertanian dan Sekuriti Pertanian Majlis Profesor Negara (MPN), Prof. Datuk Dr. Abdul Shukor Juraimi berkata, keadaan itu menyebabkan program berkenaan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.

"Antaranya kerana sikap setengah petani yang tidak mahu terlibat, mungkin mereka rasa boleh buat sendiri dengan baik dan dapat hasil lebih tinggi tanpa bergantung kepada program ini," katanya ketika dihubungi.

Mingguan Malaysia Ahad lalu melaporkan kenyataan Ahli Jawatankuasa Persatuan Pengi-



SEORANG lelaki melalui sebatang jalan melatari sawah padi yang telah dituai di Sekinchan, semalam. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

lang Beras Melayu Malaysia (PPBMM), Musonnef Md. Radzi mengenai Kadar Tahap Sara Diri (SSL) pengeluaran beras negara yang disasarkan 75 peratus

menjelang 2025 sukar dicapai ekoran program yang dirancang tidak mencapai sasaran.

Namun Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

(KPKM) menafikan program SMART SBB di bawah kementerian itu tidak berkesan dalam meningkatkan produktiviti pengeluaran padi dan beras negara.

Abdul Shukor berkata, Program SMART SBB yang diperkenalkan pada Februari 2021 sepatutnya dapat menjadikan bendang lebih baik, teratur dan lebih ekonomi dengan hasil yang tinggi.

"Sebagai contoh, ada bendang yang hasil asal petani antara empat hingga lima tan per hektar meningkat kepada enam hingga tujuh tan per hektar melalui program ini.

"Di Perlis, ada yang hasil asal tujuh tan per hektar menjadi lebih 10 tan per hektar dan petani juga boleh menjadi pekerja kepada syarikat tersebut selain mendapat hasil daripada syarikat," katanya.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 11 JANUARI 2024

PERKARA : ISU SEMASA

Kartel beras: Pesawah harap bukan sekadar 'wayang'

KANGAR: Pesawah meminta kerajaan menyiasat secara lebih serius dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap kartel atau 'mafia' padi bukan sekadar memberi 'janji kosong' untuk menutup isu dibangkitkan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah, Mohd. Nazri Subuh, 48, berkata, kewujudan kartel dalam kalangan syarikat atau kilang-kilang besar ini sudah terlalu lama dan menekan pesawah khususnya setiap kali musim menanam dan menuai padi.

Katanya, sebarang siasatan terhadap kartel terbabit perlu dijalankan secara telus dan bukan sekadar 'wayang' apabila setiap kali isu berkaitan kartel dibangkitkan.

"Meskipun tampak sukar memandangkan kartel-kartel ini terlalu kebal namun penguat kuasa secara lebih tegas perlu dilakukan bagi membela nasib para pesawah.

"Siasat betul-betul, jangan siasat kemudian berhenti dan apabila kembali musim menuai, kembali siasat apabila isu itu (kartel) dibangkitkan. Banteras secara habis-habisan kartel-kartel ini yang memonopoli sektor padi ini khususnya berkaitan harga, benih dan sebagainya," katanya.

Kelmarin *Utusan Malaysia* melaporkan, Bahagian Pengawasan Padi dan Beras akan mengadakan mesyuarat dengan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) pada 19 Januari ini bagi menyiasat segera isu berkaitan dakwaan wujud kartel yang menekan nasib pesawah.

Ketua Pengarahnya, Datuk Azman Mahmood berkata, jika didapati ada pemegang lesen padi dan beras gagal mematuhi syarat atau melanggar peraturan, mereka akan dikompau atau didakwa di mahkamah.

Kata beliau, bagi pemegang lesen padi benih pula, lesen mereka akan dibatalkan kalau melanggar syarat.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 11 JANUARI 2024

PERKARA : ISU SEMASA

MyCC: Belum ada siasatan kes industri padi, beras

PETALING JAYA: Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) setakat ini tidak memulakan sebarang siasatan terhadap mana-mana pihak dalam industri padi dan beras.

MyCC dalam kenyataannya berkata, pihaknya masih belum menerima sebarang maklumat daripada mana-mana pihak

khususnya Pejabat Pemantauan Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Keselamatan Makanan (KPKM).

"MyCC sentiasa bersedia untuk membincangkan isu-isu berkaitan padi dan beras supaya dapat memberikan input berkaitan sebarang kebimbangan persaingan, jika ada," je-

lasnya di sini semalam.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* melaporkan bahagian Pengawasan Padi dan Beras akan mengadakan mesyuarat dengan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) pada 19 Januari ini bagi menyiasat segera isu berkaitan dakwaan wujud kartel yang menekan nasib pesawah.

Kenyataan yang dikeluarkan oleh MyCC itu semalam adalah berhubung dengan laporan *Utusan Malaysia* mengenai Bahagian Pengawasan Padi dan Beras akan mengadakan mesyuarat pada 19 Januari ini bagi menyiasat isu berkaitan dakwaan wujudnya kartel padi.

Ketua Pengarahnya, Datuk

Azman Mahmood berkata, sekiranya didapati ada pemegang lesen berkaitan padi dan beras gagal mematuhi syarat atau melanggar peraturan, mereka akan dikenakan kompaun atau didakwa di mahkamah.

Katanya, pemegang lesen padi benih pula, lesen mereka akan dibatalkan kalau melanggar syarat.